

10/06/1999

#### Garis panduan kumpul air hujan

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menyediakan garis panduan pemasangan sistem pengumpulan dan penggunaan air hujan bagi mengumpul air hujan untuk kegunaan selain memasak dan minuman.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata garis panduan itu menetapkan kaedah yang sesuai untuk mengumpulkan air hujan menggunakan tangki, tanpa pembiakan nyamuk.

Menurutnya, pengumpulan air hujan untuk kegunaan domestik adalah cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika lawatannya ke Kepulauan Maldives, beberapa tahun lalu.

"Kementerian menubuhkan jawatankuasa yang diwakili beberapa pihak, termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Kimia dan Jabatan Alam Sekitar.

"Jawatankuasa yang dipengerusikan bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, itu sudah mengkaji dan menyediakan garis panduan sistem yang sesuai untuk tujuan itu.

"Garis panduan ini akan diagihkan kepada pihak terbabit, termasuk pemaju, jurutera, arkitek dan kontraktor supaya dapat dilaksanakan," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet di pejabatnya, di sini hari ini.

Garis panduan itu antara lain mengandungi penerangan dan beberapa reka bentuk serta model tangki yang sesuai dipasang pada pelbagai jenis rumah. Antara reka bentuk yang dihasilkan termasuk tangki yang akan mengumpul air dan kemudiannya disalurkan menerusi paip untuk digunakan di tandas dan bilik air.

Sebelum ini, pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM, Main Rindam berkata kaedah pengumpulan air secara insitu sebuah rumah yang mempunyai keluasan 92.9 meter persegi, mampu mengumpul 2,500 liter air (550 gelen) sekiranya kelebatan hujan mencatat 24.5 milimeter.

Dalam kertas kerjanya bertajuk 'Sumber Air Penduduk Di Ambang Abad Baru - Ancaman dan Harapan', Main dilaporkan berkata jika purata hujan tahunan di kawasan terbabit sekitar 2,331 mililiter dan jumlah ini mampu menyumbang sumber air sebanyak 333 meter padu setahun untuk seunit rumah.

(END)